



Kristus 10





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

KEESOKAN PAGINYA, SETELAH DIA DIRAYAKAN DI YERUSALEM, DALAM PERJALANAN KEMBALI KE KOTA.



YESUS LAPAR DAN MELIHAT SEBATANG POKOK ARA DI PINGGIR JALAN.

POHON ITU KELIHATAN SIHAT NAMUN TIDAK ADA BUAH.



TIADA SESIAPA
PUN AKAN MAKAN
BUAH ARA DARIPADAMU
LAGI!
SELAMANYA.





MATTHEW 21:12; MARKUS 11:15; YOHANES 19:45







BOLEHKAH
KAMU PERCAYA
ORANG INI,
NIKODEMUS?

SEMUA
YANG DIA
KATAKAN?

YA... DIA TIDAK
SEPERTI ORANG
YANG PERNAH
SAYA TEMUI...

TIGA TAHUN YANG LALU.
PERAYAAN PASKAH.

... PERCAYALAH,
TIDAK SEORANG PUN
DAPAT MENIKMATI
Pemerintahan Allah
KECUALI DIA DILAHIRKAN
SEMULA.

APA MAKSUD
ITU? TIDAK
MUNGKIN!

SECARA JASMANI
MANUSIA DILAHIRKAN
OLEH MANUSIA

TETAPI SECARA
ROHANI MANUSIA
DILAHIRKAN OLEH
ROH ALLAH.



BAGAIMANA
MUNGKIN?

KAMU GURU TERKENAL
DI ISRAEL, ADAKAH KAMU
TIDAK MENGETAHUI
PERKARA INI?

SEBAGAIMANA ULAR
GANGSA DITINGGIKAN OLEH
MUSA PADA SEBATANG KAYU
DI PADANG GURUN, DAN
MENYEMBUHKAN ORANG--

--BEGITU JUGALAH ANAK
MANUSIA HARUS DITINGGIKAN,
SUPAYA SEMUA ORANG YANG
PERCAYA KEPADA ANAK MANUSIA
BEROLEH HIDUP SEJATI DAN
KEKAL.



ALLAH SANGAT
MENGASIHI ORANG DI
DUNIA INI SEHINGGA DIA
MEMBERIKAN ANAK-NYA
YANG TUNGGAL.

SUPAYA SETIAP ORANG
YANG PERCAYA KEPADA
ANAK ITU TIDAK BINASA
TETAPI BEROLEH HIDUP
SEJATI DAN KEKAL.

CAHAYA ITU
SUDAH DATANG
KE DUNIA.

TETAPI MANUSIA
LEBIH MENYUKAI
KEGELAPAN DARIPADA
CAHAYA KERANA
PERBUATAN MEREKA
JAHAT.

TETAPI SESIAPA
YANG MELAKUKAN
KEHENDAK ALLAH
DATANG KEPADA
CAHAYA...



TIDAK ADA
ORANG SEPERTI
DIA...



RABBI,
MEREKA INI
DATANG KEPADA
FILIPUS.

MEREKA ORANG
YUNANI, TETAPI
MEREKA TELAH DATANG
KE PERAYAAN INI
UNTUK MENYEMBAH.

MEREKA DATANG
KEPADAKU DAN BERKATA
BAHAWA MEREKA INGIN
BERJUMPA DENGANMU.

SUDAH TIBA
MASANYA ANAK
MANUSIA
DIMULIAKAN.

JIKA SEBIJI BENIH
GANDUM TIDAK
DITANAM DI TANAH,
IA TETAP SEBIJI
BENIH SAHAJA.

TETAPI JIKA BENIH ITU
DITANAM LALU MATI,
MAKA BENIH ITU AKAN
TUMBUH DAN
MENGHASILKAN
BANYAK GANDUM!

HATI-KU GELISAH.
APA YANG AKAN
AKU KATAKAN?

HARUSKAH AKU
BERKATA, 'BAPA,
JAUHKANLAH AKU
DARIPADA SAAT
PENDERITAAN INI'?

TIDAK. AKU
DATANG JUSTERU
UNTUK MENGALAMI
SAAT PENDERITAAN
INI.

YA BAPA,
TUNJUKKANLAH
KEMULIAAN-MU!

AKU SUDAH
MENUNJUKKAN
KEMULIAAN-KU!

DAN AKU AKAN
MENUNJUK-
KANNYA LAGI!

ADAKAH ITU
MALAIKAT?

JANGAN
MEREPEK! ITU
GURUH!

TAPI LANGIT
CERAH SEKALI!

SUARA ITU
ADALAH UNTUK
KEPENTINGAN
KAMU!



TIBALAH SAATNYA
DUNIA DIHAKIMI!

SEKARANG
PENGUSA DUNIA INI
AKAN DIGULINGKAN!

APABILA AKU
DITINGGIKAN DI ATAS BUMI,
AKU AKAN MEMIMPIN SEMUA
ORANG KEPADA-KU.

TAURAT KAMI
MENGATAKAN BAHAWA
PENYELAMAT YANG DIUTUS
OLEH ALLAH AKAN HIDUP
SELAMA-LAMANYA!

BAGAIMANA
KAMU DAPAT
BERKATA BAHAWA
ANAK MANUSIA
HARUS DITINGGIKAN
DI ATAS BUMI?

SIAPAKAH
ANAK
MANUSIA ITU?



CAHAYA ITU AKAN
BERSAMA-SAMA
KAMU SEBENTAR
SAHAJA.

TERUSKANLAH
PERJALANAN
SELAMA CAHAYA
ITU MASIH ADA.

SUPAYA KAMU
MENJADI
ANAK-ANAK
CAHAYA ITU.



SESIAPA YANG
PERCAYA KEPADA-KU,
KAMU JUGA PERCAYA
KEPADA DIA YANG
MENGUTUS AKU.

SESIAPA YANG
MELIHAT AKU, JUGA
MELIHAT DIA YANG
MENGUTUS AKU.

AKU DATANG KE
DUNIA INI SEBAGAI
CAHAYA--



--SUPAYA TIAP-TIAP
ORANG YANG PERCAYA
KEPADA-KU TIDAK
TINGGAL DALAM
KEGELAPAN.

AKU DATANG, BUKAN
UNTUK MENGHUKUM
DUNIA INI TETAPI UNTUK
MENYELAMATKANNYA.

SESIAPA YANG
MENOLAK AKU DAN
PERKHABARAN-KU,
SUDAH ADA YANG
AKAN MENGHAKIMIN-
YA.

BAPA YANG MENGUTUS
AKU MEMERINTAHKAN AKU
MENGATAKAN APA YANG
HARUS DISAMPAIKAN.



MALAM ITU, MEREKA
KEMBALI KE BETANIA.

KEESOKAN PAGINYA..

LIHAT!

BAGAIMANAKAH
POKOK ARA ITU
LAYU DENGAN
SERTA-MERTA?

RABBI LIHATLAH
POHON YANG
ENKAU TELAH
KUTUK!

IA SUDAH
LAYU!

BERIMANLAH,
PARA SAHABAT!

KETAHUILAH, JIKA
KAMU PERCAYA KEPADA
ALLAH DAN TIDAK RAGU-
RAGU, KAMU AKAN DAPAT
MELAKUKAN YANG
SAMA!

BAHKAN KAMU
AKAN DAPAT BERKATA
KEPADA BUKIT INI,
'TERANGKATLAH DAN
TERBUANGLAH KE
DALAM LAUT!'

APABILA KAMU
BERDOA DAN PERCAYA,
ALLAH AKAN
MELAKUKAN APA YANG
KAMU MINTA.

APABILA KAMU
BERDIRI UNTUK BERDOA,
AMPUNKANLAH
KESALAHAN SESIAPA
PUN--

--AMPUNKANLAH
MEREKA--

-- SUPAYA BAPA
KAMU YANG DI SYURGA
JUGA MENGAMPUN-
KAN DOSA KAMU.





SEORANG PEMILIK LADANG MENYEWAKAN LADANG ANGGRUR ITU KEPADA BEBERAPA ORANG, LALU DIA BERANGKAT KE NEGERI LAIN.

APABILA TIBA WAKTU MENUAI, PEMILIK LADANG ITU MENGUTUS HAMBANYA UNTUK MENERIMA HASIL BAHAGIANNYA.



"TETAPI PENYEWAK LADANG ITU MEMUKUL HAMBANYA PEMILIK LADANG ITU LALU MENGUSIR DIA."



"PEMILIK LADANG MENGUTUS HAMBANYA YANG LAIN, DAN TELAH DIPERLAKUKAN HAL YANG SAMA."



"HAMBANYA YANG LAIN DIUTUS; ADA YANG DIPUKUL, ADA YANG DIBUNUH, DAN ADA LAGI YANG DIREJAM."

"PEMILIK LADANG SUDAH KEHABISAN HAMBANYA DAN TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN LAIN."



AKHIRNYA PEMILIK LADANG ITU MENGUTUS ANAKNYA KEPADA MEREKA.

ANAK-KU, YANG KU-KASIHI, AKU MENGUTUS ENGKAU.

TENTU MEREKA AKAN MENGHORMATI ANAKKU.



"TETAPI APABILA PENYEWAK-PENYEWAK ITU TAHU ANAK ITU WARIS PEMILIK LADANG--"

"--MEREKA MEMBUNUH DIA, SUPAYA MENDAPAT HARTANYA."


"APAKAH YANG AKAN DILAKUKAN OLEH PEMILIK LADANG ITU?"



TENTU DIA AKAN MEMBUNUH SEMUA ORANG JAHAT ITU!

LALU MENYERAHKAN LADANG ANGGRUR ITU KEPADA PENYEWAK-PENYEWAK LAIN.

YA, DIA AKAN MEMBUNUH SEMUA PENYEWAK JAHAT ITU, LALU MENYERAHKANNYA KEPADA MEREKA YANG MAHU MEMBERIKAN HASIL BAHAGIANNYA PADA MUSIM ANGGRUR."





GURU, KAMI
TAHU BAHAWA
GURU JUJUR!

GURU TIDAK MEMANDANG
KEDUDUKAN ORANG, DAN
MENGAJAR KEHENDAK ALLAH
BAGI MANUSIA DENGAN
TERUS TERANG.

KATAKANLAH,
MENURUT TAUROT
BOLEHKAH KITA
MEMBAYAR CUKAI
KEPADA KAISAR
ROMA?



KAMU MEMANGGILKU
RABBI, DAN BERKATA
AKU INI ORANG BENAR.

TETAPI KAMU
MUNAFIK!
TUNJUKKAN
SEKEPING MATA
WANG
KEPADA-KU.



GAMBAR DAN
NAMA SIAPAKAH
INI?

KAISAR!

BAIKLAH, JIKA
DEMIKIAN, BERIKAN
MILIK KAISAR KEPADA
KAISAR!
DAN BERIKAN MILIK
ALLAH KEPADA
ALLAH!



RABBI, KAMI
ADA SATU
SOALAN!

MENURUT HUKUM
MUSA, JIKA SEORANG
LELAKI MENINGGAL
TANPA MEMPUYAI
ANAK--
--MAKA SAUDARA
LELAKINYA MESTI
BERKAHWIN DENGAN
BALUNYA SUPAYA ORANG
YANG SUDAH MENINGGAL
ITU MENDAPAT
KETURUNAN!
DAHULU ADA
TUJUH ORANG
ADIK-BERADIK--



--YANG SULUNG
BERKAHWIN TETAPI
MENINGGAL TANPA
MEMPUYAI ANAK.

LALU SAUDARA KEDUA
BERKAHWIN DENGAN
BALU ITU TETAPI DIA
PUN MENINGGAL TANPA
MEMPUYAI ANAK.

HAL YANG SAMA
BERLAKU KEPADA
SAUDARA KETIGA DAN
SETERUSNYA SEHINGGA
SAUDARA KETUJUH.

MEREKA SEMUA
MENINGGAL TANPA
MEMPUYAI ANAK.

PADA HARI
KEBANGKITAN
ORANG MATI,
ISTERI SIAPAKAH
WANITA ITU?

TIDAKKAH
KAMU FAHAM
ALKITAB?



LELAKI DAN PEREMPUAN YANG HIDUP SEKARANG INI BERKAHWIN.

TETAPI YANG DIBANGKITKAN DARIPADA KEMATIAN TIDAK AKAN BERKAHWIN.

PENDAPAT KAMU SALAH SEKALI! KAMU TIDAK MEMAHAMI ALKITAB.

MAKSUDNYA?



APAKAH YANG TUHAN KATAKAN KEPADA MUSA DALAM KISAH BELUKAR YANG BERNYALA ITU?

"AKULAH ALLAH YANG DISEMBAH ABRAHAM, ISHAK, DAN YAKUB."

DIA ALLAH ORANG HIDUP, BUKAN ALLAH ORANG MATI!

PENDAPAT KAMU SALAH SAMA SEKALI!



SUNGGUH BAIK JAWAPAN GURU.

SAYA ADA SOALAN, RABBI!

PERINTAH MANAKAH YANG PALING UTAMA DI ANTARA SEMUA PERINTAH?



PERINTAH YANG PALING UTAMA?

"KASIHILAH TUHAN ALLAHMU DENGAN SEPENUH HATIMU, DENGAN SEGENAP JIWAMU, DENGAN SELURUH AKALMU, DAN DENGAN SEGALA KEKUATANMU."

PERINTAH YANG KEDUA IALAH, 'KASIHILAH SESAMA MANUSIA SEPERTI KAMU MENGASIHI DIRIMU SENDIRI.'



BAGUS, GURU!

YA... KASIHILAH TUHAN DAN KASIHILAH SESAMA MANUSIA...

MEMATUHI KEDUA-DUA PERINTAH INI LEBIH MUSTAHAK DARIPADA MEMPERSEMBAHKAN KORBAN UNTUK MENYENANGKAN HATI TUHAN DAN KORBAN-KORBAN LAIN.



KAMU TIDAK JAUH DARIPADA PEMERINTAHAN ALLAH.

ANAK SIAPAKAH KRISTUS?

ANAK DAUD!

SEDANGKAN DAUD BERKATA, "TUHAN TELAH BERFIRMAN KEPADA TUHANKU: DUDUKLAH DI SEBELAH KANAN-KU SEHINGGA AKU MENAKLUKI MUSUH-MU KE BAWAH KAKI-MU."



DAUD MENYEBUT
PENYELAMAT YANG
DIUTUS OLEH ALLAH
ITU 'TUHAN'!

BAGAIMANA MUNGKIN
PENYELAMAT YANG
DIUTUS OLEH ALLAH ITU
KETURUNAN DAUD?



BERHATI-HATILAH
DENGAN GURU
TAURAT DAN ORANG
FARISI.

MEREKA
MENTAFSIRKAN
TAURAT MUSA OLEH
ITU TAATILAH DAN
TURUTILAH
PENGAJARAN
MEREKA.

TETAPI JANGAN
CONTOHI MEREKA, KERANA
PERBUATAN MEREKA TIDAK
SESUAI DENGAN AJARAN
MEREKA!



MEREKA MELETAKKAN BEBAN YANG BERAT DAN SUSAH
DIPIKUL KE ATAS BAHU ORANG, TETAPI MEREKA TIDAK MAHU
MENGHULURKAN SATU JARI PUN UNTUK MENOLONG
ORANG MEMIKUL BEBAN ITU.

MEREKA GEMAR AKAN TEMPAT
YANG ISTIMEWA DI RUMAH IBADAT
DAN SUKA DIPANGGIL 'RABBI'!

SESIAPA YANG MENINGGIKAN
DIRI AKAN DIRENDAHKAN.



DAN SESIAPA YANG
MERENDAHKAN DIRI AKAN
DITINGGIKAN!
ALANGKAH MALANGNYA
KAMU, GURU TAUROT DAN
ORANG FARISI!!

KAMU MUNAFIK DAN
PEMIMPIN BUTA!

KAMU MEMBERIKAN
SEPERSEPULUH TETAPI
MELUPAKAN KEADILAN,
BELAS KASIHAN, DAN
KESETIAAN!



KAMU BERKATA, BAHAWA
KAMU TIDAK AKAN
MENGIKUT PERBUATAN
NENEK MOYANG-MU YANG
MEMBUNUH NABI.

OH YERUSALEM! AKU
INGIN MEMELUK SEMUA
PENDUDUKMU SEPERTI
SEEKOR INDUK AYAM
MENAUNGI ANAK-ANAKNYA
DI BAWAH SAYAPNYA!



TETAPI ENKAU
AKAN DITINGGALKAN
OLEH ALLAH, SEHINGGA
ENKAU TERBIAR!



PURA-PURA
BERDOA DENGAN
BERPANJANGAN.

MEREKA MEMBERI
PERSEMBAHAN YANG
BESAR DARI
KEKAYAAN MEREKA.



TETAPI MEMPERDAYA
BALU SERTA MERAMPAS
RUMAH MEREKA!

MEREKA AKAN
MENERIMA HUKUMAN
YANG AMAT BERAT!

LIHATLAH
BALU ITU.



ORANG LAIN
MEMBERIKAN
PERSEMBAHAN
DARIPADA KELEBIHAN
KEKAYAAN MEREKA.

TETAPI BALU
INI, WALAUPUN
SANGAT MISKIN,
MENDERMAKAN
SEMUA NAFKAHNYA.

BALU INI
MEMBERIKAN
PERSEMBAHAN
YANG LEBIH BESAR
NILAINYA DARIPADA
SEMUA ORANG LAIN.



RABBII! LIHATLAH
BETAPA INDAHNYA
RUMAH TUHAN!

DIHIAS DENGAN
BATU YANG INDAH-INDAH,
SERTA SEMUA BARANG
YANG DIPERSEMBAHKAN
KEPADA ALLAH.

BETAPA
MEGAHNYA
MONUMEN BAGI
ALLAH!

AKAN TIBA MASANYA
APABILA SEMUA YANG
KAMU LIHAT INI AKAN
DIROBOHKAN.

TIDAK ADA SATU
BATU PUN AKAN
TINGGAL TERSUSUN
PADA TEMPATNYA!



SETELAH MENGAJAR DI RUMAH TUHAN, MEREKA BERKHEMAM DI BUKIT ZAITUN, IAITU KAWASAN DI ANTARA YERUSALEM DAN BETANIA.

GURU, TENTANG RUMAH TUHAN, BERITAHULAH KAMI BILA SEGALA PERKARA INI AKAN BERLAKU?

BERJAGA-JAGALAH KERANA BANYAK ORANG AKAN DATANG DAN MENGAKUI DIRI SEBAGAI KRISTUS.

ATAU MEMBERITAHU BAHAWA WAKTUNYA SUDAH DEKAT.

KAMU AKAN MENDENGAR RIUH PERTEMPURAN DAN BERITA PEPERANGAN, TETAPI JANGANLAH TAKUT. SEMUA PERKARA INI MESTI BERLAKU, TETAPI HAL ITU TIDAK BERERTI BAHAWA AKHIR ZAMAN TELAH TIBA.

DI MANA-MANA AKAN BERLAKU KEBULURAN, GEMPA BUMI DAN PEPERANGAN.

SEMUANYA INI HANYA PERMULAAN SAHAJA, SAMA SEPERTI SAKIT YANG DIALAMI OLEH WANITA YANG AKAN BERSALIN.

KERANA KAMU PENGIKUT-KU KAMU AKAN DITANGKAP DAN DISERAHKAN UNTUK DISEKSA.

TETAPI JANGANLAH KHUATIR ROH ALLAH AKAN MEMBERIKAN KATA-KATA DAN KEBIJAKSANAAN KEPADA KAMU!

DUNIA AKAN SEMAKIN JAHAT.

KAMU AKAN DIKHIANATI OLEH IBU BAPA, SAUDARA, SANAK KELUARGA, DAN SAHABAT KAMU.

APABILA KAMU NAMPAK YERUSALEM DIKEPUNG TENTERA, KAMU AKAN TAHU BAHAWA KOTA ITU SEGERA AKAN DIMUSNAHKAN.

KAMU AKAN MELIHAT 'BENCANA YANG DAHSYAT' YANG DIKATAKAN OLEH NABI DANIEL, DI TEMPAT YANG SUCI ITU--

--DAN LARILAH!

KESUSAHAN PADA MASA ITU JAUH LEBIH DAHSYAT DARIPADA YANG PERNAH BERLAKU.

TETAPI--



--TIDAK LAMA SELEPAS KESUSAHAN MASA ITU--

--APABILA MATAHARI MENJADI GELAP, BULAN TIDAK LAGI BERCAHAYA, BINTANG-BINTANG JATUH DARI LANGIT, DAN KUASA DI ANGKASA LEPAS AKAN DITARIK DARIPADA PEREDARANNYA--

--JANGANLAH TAKUT.



ANAK MANUSIA AKAN KELIHATAN DI LANGIT DAN DILIHAT SEMUA BANGSA DI BUMI!

PADA HARI ITU, BANGKITLAH!

DONGAKLAH KE LANGIT!

KERANA SEKEJAP LAGI KAMU AKAN DISELAMATKAN!



TIDAK SEORANG PUN MENGETAHUI HARI ATAU WAKTUNYA

HANYA BAPA YANG TAHU.

MASA ITU SEPERTI ZAMAN NUH.



PADA MASA BANJIR BELUM MELANDA, ORANG MAKAN DAN MINUM, DAN BERPESTA.

SEHINGGA PADA HARI NUH MASUK KE DALAM BAHTERA, MEREKA TIDAK TAHU AKAN APA YANG SEDANG BERLAKU.

SEHINGGA BANJIR ITU DATANG.

DAN MEMBINASAKAN MEREKA SEMUA.



DEMIKIANLAH KEADAANNYA APABILA ANAK MANUSIA DATANG.

MAKA BERJAGA-JAGALAH DAN BERWASPADALAH.

DI ANTARA DUA ORANG, SEORANG AKAN DIBAWA PERGI DAN SEORANG LAGI AKAN DITINGGALKAN.



DENGARLAH CERITA-CERITA INI SUPAYA KAMU LEBIH FAHAM.




SEORANG TUAN
RUMAH MENYURUH
HAMBA-HAMBANYA
MENJAGA RUMAH,
SETELAH DIA
MEMBERIKAN TUGAS
KEPADA MEREKA--

--TETAPI HAMBA ITU MULA
MEMUKUL HAMBA-HAMBA
YANG LAIN, DAN MAKAN
MINUM DENGAN ORANG
YANG SUKA MABUK--

--KEMUDIAN PADA HARI
DAN MASA YANG TIDAK
DISANGKANYA, TUAN
HAMBA ITU KEMBALI. APA
YANG AKAN TERJADI

WHAP



SEPULUH ORANG GADIS
KELUAR MEMBAWA PELITA
UNTUK MENYAMBAT
PENGANTIN LELAKI--

--APA YANG TERJADI
APABILA LIMA DI ANTARA
MEREKA MEMBAWA MINYAK
TAMBAHAN, MANAKALA
LIMA YANG LAIN TIDAK?

KELIMA-LIMA ORANG GADIS
YANG SUDAH SIAP ITU MASUK
BERSAMA-SAMA PENGANTIN
LELAKI KE BALAI PERJAMUAN,
DAN PINTU PUN DITUTUP--

--DAN LIMA GADIS YANG
LAIN ITU TERPAKSA
KELUAR MEMBELI MINYAK,
LALU KETINGGALAN DARI
MAJLIS--

--LALU DIBIARKAN
DALAM KEGELAPAN.



SEORANG LELAKI HENDAK BERANGKAT KE LUAR NEGERI.

DIA MEMANGGIL HAMBA-HAMBANYA LALU MEMPERCAYAKAN HARTANYA KEPADA MEREKA.

YANG SEORANG DIBERIKANNYA LIMA RIBU KEPING WANG EMAS, YANG LAIN DIBERIKANNYA DUA RIBU KEPING, DAN YANG SEORANG LAGI DIBERIKANNYA SERIBU KEPING.

LAMA KEMUDIAN, TUAN HAMBA-HAMBA ITU PULANG LALU MENYURUH MEREKA MEMBERIKAN LAPORAN TENTANG APA YANG DILAKUKAN DENGAN WANGNYA.



TUAN MENYERAHKAN LIMA RIBU KEPING WANG EMAS KEPADA SAYA. LIHALAH, SAYA BERHASIL MENDAPAT KEUNTUNGAN SEBANYAK LIMA RIBU KEPING LAGI.

TUAN MENYERAHKAN DUA RIBU KEPING WANG EMAS KEPADA SAYA. LIHALAH, SAYA BERHASIL MENDAPAT KEUNTUNGAN SEBANYAK DUA RIBU KEPING LAGI.

TUAN, HAMBA TAHU BAHAWA TUAN SEORANG YANG KERAS. HAMBA TAKUT, DAN MENYEMBUNYIKAN WANG TUAN DI DALAM TANAH.

SAYA TIDAK MENDAPAT KEUNTUNGAN, TETAPI TIDAK RUGI APA-APA JUGA!

KAMU MEMBUKTIKAN BAHAWA KAMU DAPAT DIPERCAYAKAN DENGAN LIMA RIBU KEPING EMAS.

DAN KAMU PULA DENGAN DUA RIBU KEPING.

BAGUS, AKU AKAN MEMPERCAYAKAN YANG LEBIH BANYAK KEPADAMU.

TETAPI KAMU?



KAMU HAMBA YANG JAHAT DAN MALAS!

SEHARUSNYA KAMU SIMPAN WANGKU DI BANK, SUPAYA APABILA AKU BALIK, AKU DAPAT MENERIMA WANGKU KEMBALI DENGAN FAEDAHNYA.

AKU AKAN MEMBERI WANG KAMU KE BERIKAN KEPADA ORANG YANG MEMPUNYAI SEPULUH RIBU KEPING WANG EMAS.

AKU AKAN MENGUSIR KAMU KELUAR!

FAHAM?



"APABILA ANAK MANUSIA DATANG SEBAGAI RAJA DENGAN SEMUA MALAIKAT ALLAH"

"--DIA AKAN DUDUK DI ATAS TAKHTA-NYA YANG MULIA--"

"--UMAT MANUSIA DI BUMI INI AKAN DIKUMPULKAN DI HADAPAN-NYA."

"KEMUDIAN DIA AKAN MEMISAHKAN MEREKA MENJADI DUA KUMPULAN, SEPERTI GEMBALA MEMISAHKAN DOMBA DARIPADA KAMBING--"

"--DOMBA KANAN-NYA DAN YANG LAIN DI SEBELAH KIRI-NYA."



"RAJA ITU AKAN BERKATA
KEPADA MEREKA YANG DI
SEBELAH KANAN-NYA:"

HAI KAMU
YANG DIBERKATI
BAPA-KU!

MARILAH
DAN NIKMATILAH
PEMERINTAHAN ALLAH
UNTUK KAMU SEJAK
DUNIA INI
DICIPTAKAN-NYA!



"KEMUDIAN RAJA ITU
AKAN BERKATA KEPADA
KUMPULAN ORANG DI
SEBELAH KIRI-NYA:"

PERGI DARI SINI, HAI
KAMU YANG DIKUTUK
ALLAH!

PERGILAH KE DALAM
API YANG TIDAK DAPAT
PADAM YANG TELAH
DISEDIAKAN OLEH
ALLAH UNTUK IBLIS
DAN MALAIKAT-MA-
LAIKATNYA!

KETIKA AKU
LAPAR, KAMU
MEMBERI AKU
MAKAN.

KETIKA AKU
DAHAGA, KAMU
MEMBERI AKU
MINUM.



KETIKA AKU
LAPAR, KAMU
TIDAK MEMBERI
AKU MAKAN.

KETIKA AKU
DAHAGA, KAMU
TIDAK MEMBERI AKU
MINUM.

AKU SEORANG ASING,
TETAPI KAMU MENYAMBUT
AKU KE DALAM RUMAH
KAMU.



AKU SEORANG ASING,
TETAPI KAMU TIDAK
MENYAMBUT AKU KE
DALAM RUMAH KAMU.

AKU TIDAK
BERPAKAIAN, DAN
KAMU MEMBERI
AKU PAKAIAN.



AKU TIDAK
BERPAKAIAN, TETAPI
KAMU TIDAK MEMBERI
AKU PAKAIAN.

AKU JATUH SAKIT,
DAN KAMU
MERAWAT AKU.



AKU JATUH SAKIT,
TETAPI KAMU TIDAK
MERAWAT AKU.



AKU DIPENJARAKAN,
DAN KAMU
MELAWAT AKU.



AKU DIPENJARAKAN,
TETAPI KAMU TIDAK
MELAWAT AKU.



"MEREKA YANG MELAKUKAN KEHENDAK ALLAH BERTANYA:"

YA TUHAN, BILAKAH KAMI MELAKUKAN SEMUA ITU? KAMI TIDAK PERNAH MEMBERI-MU MAKAN ATAU PAKAIAN ATAU MERAWAT ENKAU!

KETAHUIHLAH, MANAKALA KAMU MELAKUKAN PERKARA ITU UNTUK SALAH SEORANG DARIPADA SAUDARA-KU, WALAUPUN HINA--

--KAMU TELAH MELAKUKANNYA UNTUK-KU!

"MEREKA YANG JAHAT AKAN BERKATA KEPADA-NYA,"

YA TUHAN, BILAKAH KAMI TIDAK MENOLONG TUHAN?

KAMI TIDAK PERNAH MELIHAT ENKAU LAPAR ATAU HAUS ATAU SAKIT ATAU DIPENJARA!

KETAHUIHLAH BAHAWA PADA WAKTU KAMU TIDAK MAHU MENOLONG SALAH SEORANG YANG HINA--

--KAMU TIDAK MAHU MENOLONG AKU.

"KEMUDIAN MEREKA YANG MELAKUKAN KEHENDAK ALLAH AKAN MENERIMA HIDUP SEJATI DAN KEKAL--"

"--SEDANGKAN SEMUA ORANG ITU AKAN MENDERITA HUKUMAN YANG KEKAL."



TETAPI BANYAK PERKARA YANG HARUS BERLAKU DAHULU.

KAMU TAHU BAHAWA DUA HARI LAGI PERAYAAN PASKA AKAN DIRAYAKAN.

DAN ANAK MANUSIA AKAN DISERAHKAN UNTUK DISALIBKAN!

YESUS DI BETANIA, DI RUMAH SIMON YANG
DAHULU BERPENYAKIT KULIT YANG MENGERIKAN.

MARIA, MARTA DAN LAZARUS
TURUT MENJADI TETAMU.

... DAN KERANA
TETAMU TERHORMAT
KITA--

--AKU TIDAK LAGI
DIPANGGIL SIMON SI
KUSTA!

KAMU
DISEMBUHKAN
DARI PENYAKIT
KUSTA!

DAN SAYA
TELAH
DIBANGKIT-
KAN DARI
KEMATIAN!

MARIA, BOLEHKAH
KAMU MEMBANTU
SAYA--

TUNGGU,
MARTA.

MARIA, APA YANG
KAMU LAKUKAN?

ITU PEWANGI...
DAN BOTOL
MAHAL YANG
KAMU SIMPAN!

APA YANG DIA
LAKUKAN?



MENGAPA
ENGKAU
MEMBIARKAN
DIA BERGITU?

KENAPA,
YUDAS?



APA GUNANYA
MINYAK WANGI ITU
DIBAZIRKAN?

HARGANYA
SEMAHAL GAJI
SETAHUN!

DIA PATUT
MEMBERIKAN
SAHAJA KEPADAMU
UNTUK DIJUAL!



LALU WANGNYA
DIBERIKAN KEPADA
ORANG MISKIN!

WANITA
BODOH,
MEMALUKAN
DIRI SENDIRI!!

KENAPA
KAMU BERKATA
BERGITU?
JANGANLAH
GANGGU
WANITA INI!!



DIA MELAKUKAN
SESUATU YANG
INDAH.

ORANG MISKIN
SENTIASA ADA ANTARA
KAMU!

TETAPI AKU TIDAK
SELALU BERSAMA-
SAMA KAMU!



KAMU TIDAK
MENGETI!

DIA MELAKUKAN
PERKARA INI UNTUK
HARI PENGUBU-
RAN-KU!

DI MANA
SAHAJA BERITA
BAIK DIKABARKAN,
PERBUATAN WANITA
INI AKAN DICERITAKAN
UNTUK MENGENANG
DIA.

KEMUDIAN.





TIGA PULUH
KEPING WANG
PERAK.

SETUJU.



SAYA AKAN
KHABARKAN JIKA
ADA PELUANG
MUNCUL...
SAYA AKAN
MEMIMPIN KAMU
KEPADANYA
APABILA TIADA
KERUMUNAN.

DIA AKAN
MENJADI
MILIK KAMU.

PADA HARI PERTAMA PERAYAAN ROTI TIDAK BERAGI, YESUS
MENGUTUS PETRUS DAN YOHANES DAN BERPESAN:

"PERGILAH KE BANDAR, LALU KAMU AKAN
BERJUMPA DENGAN SEORANG LELAKI YANG
MENJUNJUNG BUYUNG AIR."

"KATAKAN KEPADANYA, 'GURU BERTAKA,
SAAT-NYA SUDAH HAMPIR TIBA; DIA HENDAK
MERAYAKAN PASKA DI RUMAHMU BERSAMA
DENGAN PENGIKUT-PENGIKUT-NYA.'"



DAN DI SEBUAH BILIK BESAR,
DI TINGKAT ATAS, MEREKA
MAKAN BERSAMA-SAMA.



AKU INGIN SEKALI MAKAN JAMUAN
PASKA INI BERSAMA-SAMA KAMU
SEBELUM KEMATIAN-KU!

PERCAYALAH,
AKU TIDAK AKAN
MEMAKANNYA LAGI
SEHINGGA MAKNA
PERJAMUAN INI
DINYATAKAN DI DUNIA
BARU ALLAH.



TUHAN, TUHAN
INGIN MENCUCI
KAKI SAYA?







"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV